

15 JUL 1999

Chen-Kerusi

PEMBANGKANG BINCANG PEMBAHAGIAN KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI

SEREMBAN, 15 Julai (Bernama) -- Parti pembangkang iaitu DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan), PAS dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) telah mengemukakan cadangan pembahagian kerusi Dewan Undangan Negeri kepada Jawatankuasa Teknikal pembahagian kerusi parti pembangkang peringkat pusat untuk dibincangkan.

Pengerusi Kebangsaan DAP Dr Chen Man Hin berkata formula pembahagian kerusi Dewan Undangan Negeri tertakluk kepada perbincangan antara parti pembangkang di peringkat negeri masing-masing yang dipersetujui bersama.

Selain membincangkan cadangan pembahagian kerusi untuk Dewan Undangan Negeri di Semenanjung, Jawatankuasa Teknikal itu juga membincangkan cadangan pembahagian kerusi parlimen di Semenanjung, katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Beliau berkata, bagi kerusi di Negeri Sembilan, DAP akan bertanding di tiga kawasan Parlimen iaitu Rasah, Seremban dan Teluk Kemang serta 10 kawasan Dewan Undangan Negeri manakala kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri selebihnya diagihkan antara PAS dan Keadilan.

Dr Chen juga berkata formula pembahagian sama rata berdasarkan nisbah 48:48:48 bagi kesemua 144 kerusi Parlimen di Semenanjung antara DAP, Keadilan dan PAS masih dibincangkan oleh Jawatankuasa Teknikal itu.

Mengikut cadangan itu, DAP akan memberikan beberapa kerusi yang diperuntukkan kepada parti itu kepada Parti Rakyat Malaysia (PRM).

Dr Chen berkata formula itu hanya cadangan DAP dan sehingga kini Jawatankuasa Teknikal belum mencapai keputusan mengenai pembahagian kerusi Parlimen ataupun kerusi Dewan Undangan Negeri di Semenanjung.

Walaupun pembahagian kerusi merupakan perkara yang rumit tetapi beliau yakin ia boleh diatasi yang akhirnya satu keputusan yang disokong oleh semua parti pembangkang akan dicapai.

Oleh itu, laporan akhbar hari ini yang menyatakan cadangan pengagihan sama rata 144 kerusi Parlimen di Semenanjung merupakan muslihat DAP dan PAS untuk memperkukuhkan kedudukan dengan mengetepikan peluang parti lain dalam pakatan pembangkang adalah tidak benar.

Bekas Timbalan Setiausaha Publisiti DAP kebangsaan, Hu Sepang hari ini dilaporkan berkata mangsa utama pengagihan itu ialah Keadilan kerana ia akan diberikan "kawasan maut" yang dimiliki Umno.

Mengenai kenyataan setiausaha agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob bahawa Umno tidak percaya PAS, DAP dan Keadilan boleh melaksanakan pengagihan sama rata 144 kerusi Parlimen di Semenanjung, Dr Chen seterusnya berkata dalam politik semua boleh berlaku kerana tiada yang mustahil.

"Walau susah (membahagikan kerusi) tetapi kerjasama antara empat parti ini lebih senang daripada Barisan Nasional (BN) yang mempunyai bilangan parti komponen yang banyak," katanya.

Berhubung kenyataan pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishamuddin Tun Hussein yang mencabar parti pembangkang berdebat secara terbuka yang disiarkan menerusi televisyen antarabangsa seperti Cable News Network (CNN) atau Cable News Broadcasting Corporation (CNBC) mengenai isu semasa, Dr Chen berkata beliau menyambut baik perkara itu.

Beliau berkata ia baik untuk politik Malaysia kerana debat itu dapat ditonton oleh banyak pihak.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi harus turut serta dalam debat itu jika ia disertai oleh setiausaha agung DAP Lim Kit Siang.

-- BERNAMA
AZ FAZ